

08 JUN 1999

BRITISH-PENERBANGAN

PENGERUSI BRITISH AIRWAYS HARAP LIHAT PENERBANGAN HARIAN DI ANTARA KL DAN LONDON

KUALA LUMPUR, 8 Jun (Bernama) -- Pengerusi British Airways Lord Marshall berharap bahawa pusingan rundaing baru mengenai perjanjian perkhidmatan udara di antara Malaysia dan Britain akan menghasilkan penerbangan harian oleh syarikat penerbangan itu di laluan Kuala Lumpur-London yang amat lumayan itu.

Perbincangan di antara kedua-dua negara itu dijadualkan lewat bulan depan, kata Lord Marshall of Knightsbridge, Colin Marsh Marshall.

"Harapan saya ialah bahawa satu masa, saya tidak tahun selama mana, kami (British Airways) akan dapat bergerak kepada perkhidmatan harian biasa di antara Kuala Lumpur dan London dan menambah kekerapan ke Sidney dari Kuala Lumpur," kata Marshall pada persidangan akhbar sempena lawatan beliau ke Malaysia.

Sebagai wakil British Airways, katanya itu lawatannya termasuk melihat kemungkinan meluaskan kekerapan perkhidmatan dan dengan itu bilangan tempat duduk dan keupayaan adalah didapati bagi para penumpang dan kargo.

Marshall menambah kata British Airways mempunyai lima penerbangan seminggu di antara Kuala Lumpur dan London, sambil menambah bahawa tiga daripadanya meneruskan ke Sidney dan dua ke Jakarta.

Kebanyakan penerbangan itu adalah penuh atau hampir penuh, katanya.

Beliau optimis bahawa pemulihan akan berterusan dan ini akan diterjemahkan menjadi lebih banyak lalulintas.

Marshall juga tertarik dengan kemajuan yang dicapai oleh Malaysia, terutamanya di bidang ekonomi di mana terdapat pemulihan yang menarik dalam prestasi ekonomi.

Malaysia dan Britain, katanya, mempunyai perhubungan yang amat kukuh daripada segi pelaburan dan perdagangan.

Di dalam perdagangan, syarikat-syarikat Britain telah melabur 1.1 bilion paun sterling di Malaysia dan adalah pelabur nombor satu tahun lalu, tambahnya.

Marshall dan beberapa wakil syarikat terkemuka British berada di Malaysia mulai 7 hingga 9 June untuk memperolehi kefahaman yang lebih lengkap mengenai banyak peluang perdagangan dan pelaburan yang kini ada di sini.

Sebagai sebahagian daripda lawatan itu, Marshall akan menemui Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed.

Marshall berkata perbincangan beliau dengan Mahathir akan tertumpu kepada kedudukan keseluruhan daripada segi perhubungan semasa di antara Malaysia dan Britain dan silap faham sesetengah pihak mengenai dunia dan apa yang berlaku di Malaysia dan kawalan modal yang dikenakan. -- BERNAMA

MSL LPS OS